



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, 93502 KUCHING
SARAWAK

Talian Am: 082-441957
No. Faks: 082-445637
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 15 TAHUN 2017

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan, Sarawak.

KEPADA: **Semua Ketua Jabatan Negeri**
Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Ketua Badan
Berkanun Negeri
Semua Pejabat Residen
Semua Setiausaha Majlis
Bandaraya/ Perbandaran/
Daerah

SALINAN Pengarah Audit Negeri
KEPADA: Pengarah Audit Dalam

PERKARA: **Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) sebanyak RM80.00 sebulan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri (PANS) yang memiliki sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak**

RUJUKAN: JKM/SHRU/CDS/500-4/1A JLD.1

TARIKH: 07 Jun 2017

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk melaksanakan **Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) sebanyak RM80.00 sebulan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri (PANS) yang memiliki sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.**

" Together We Drive The Workforce In The Civil Service To Be World Class "

BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

No. Telefon: 082-446415
No. Faks: 082-443970

BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT

Seksyen Pengambilan
No. Telefon: 082-319946
No. Faks: 082-311478

Seksyen Pembangunan Kerjaya
No. Telefon: 082-446355
No. Faks: 082-311473

Seksyen Kemudahan & Anugerah
No. Telefon: 082-312548
No. Faks: 082-445618

Seksyen Latihan
No. Telefon: 082-313951
No. Faks: 082-312997

BAHAGIAN POLISI & KOMUNIKASI SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Maklumat
No. Telefon: 082-449237
No. Faks: 082-449490

Seksyen Komunikasi Sumber Manusia
No. Telefon: 082-448240
No. Faks: 082-440033

Seksyen Transformasi & Inovasi
No. Telefon: 082-312557
No. Faks: 082-440033

BAHAGIAN SOKONGAN PEKERJA

Seksyen Perkhidmatan Sokongan Pekerja
No. Telefon: 082-319941
No. Faks: 082-312923

Seksyen Integriti
No. Telefon: 082-443502
No. Faks: 082-312923

2. Latar Belakang

2.1 Kerajaan Negeri telah menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2001 melalui Pekeliling Perj. Bilangan 3 Tahun 2002 : Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) dan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang bertarikh 5 Februari 2002.

2.2 Selaras dengan pekelling tersebut, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) PT(P/O) dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang layak boleh dibayar BITK RM40.00. Manakala BITK RM80.00 boleh dibayar kepada pegawai berkenaan yang telah lulus peperiksaan dan memperolehi sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN).

2.3 Kerajaan Negeri juga telah bersetuju supaya Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Negeri Sarawak menurunkan kuasa kepada Panel Subjek Jabatan iaitu Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak untuk menguruskan pelaksanaan Peperiksaan BITK untuk Penjawat Awam Negeri Sarawak disamping Peperiksaan BITK anjuran Akauntan Negara (JAN) Surat Pekeliling Perj. Bilangan 3 Tahun 2002 : Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) dan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang bertarikh 5 Februari 2002 menerima pakai Garis panduan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999 dan Bilangan 5 Tahun 2001.

3. Pelaksanaan

3.1 Selaras dengan Penurunankuasa oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Negeri kepada Panel Subjek Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak, pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri (PANS) yang memiliki Sijil Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak layak diberi BITK sebanyak RM80.00 sebulan.

3.2 Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) sebanyak RM80.00 sebulan bagi pegawai PANS yang memiliki Sijil Peperiksaan BITK yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN) masih berkuatkuasa selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2001 yang diterimapakai melalui Pekeliling Perj. Bilangan 3 Tahun 2002 : Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) dan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang bertarikh 5 Februari 2002.

3.3 **Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) sebanyak RM80.00 sebulan** hanya layak diberi kepada pegawai yang memiliki salah satu sijil BITK sama ada yang dikeluarkan oleh **Jabatan Akauntan Negara (JAN)** ATAU dikeluarkan oleh **Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak**.

3.4 Jika pegawai telah memiliki sijil untuk kedua-dua peperiksaan tersebut maka Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) hanya layak dibayar menggunakan salah satu sijil tersebut iaitu RM 80.00 sebulan sahaja.

3.5 Peraturan, kelayakan dan syarat pembayaran adalah dikekalkan selaras Surat Pekeliling/Pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

4. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling Perjawatan ini berkuatkuasa mulai tarikh **1 April 2017**.

5. Pemakaian

Pekeliling Perjawatan ini berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak